

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA


1. Tawaran adalah dipelawa daripada **Kontraktor – Kontraktor Bumiputra** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dibenarkan membuat tawaran serta mempunyai gred, kategori dan pengkhususan seperti di bawah untuk menyertai sebut harga seperti berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK	WAJIB BERDAFTAR DENGAN	LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
JPNWPKL/SH/02/2026	Kerja-Kerja Penyelenggaraan & Ubahsuai Kompleks Pendaftaran Jabatan Pendaftaran Negara Kepong, Kompleks Desa Kepong, Kuala Lumpur	Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Gred: G2 Kategori: B Pengkhususan: B07, B24 & B28 Beralamat/ Berdaftar di W.P Kuala Lumpur sahaja dibenarkan menyertai sebut harga ini.	21 Ogos 2026 (Jumaat) Jam: 10.00 Pagi JPN WPKL Cawangan Kepong, Lot 2.01-2.07, Tingkat 2, Kompleks Desa Jalan Kepong, WPKL	28 Ogos 2026 (Jumaat) pada atau sebelum Jam 12.00 Tengah hari

2. Dokumen Sebut Harga tersebut boleh didapati pada **21 Ogos 2026** dengan menunjukkan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang asal dan sesalinan sijil tersebut (Salinan Sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
3. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **21 Ogos 2026 (Jumaat)**, jam **10.00 pagi** di **JPN WPKL CAWANGAN KEPONG**. Hanya penama di dalam SPKK sahaja yang boleh menghadiri taklimat & lawatan tapak. Lawatan tapak pada hari lain sebelum tarikh tutup sebut harga tidak dibenarkan.
4. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh pejabat CIDB dan "Surat Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred Lebih Tinggi/ Rendah" adalah **TIDAK DITERIMA**.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebut Harga **JPNWPKL/SH/02/2026** dan dikembalikan/ dimasukkan ke dalam peti sebut harga di:

**Jabatan Pendaftaran Negara
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Dutamas 1
50551 Kuala Lumpur**

6. Tawaran Sebut Harga tersebut **ditutup pada jam 12.00 tengahari, 28 Ogos 2026**, Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Dokumen Sebut Harga adalah percuma.


Tandatangan
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

MAIZATUL FAUZLIN BINTI ZULKEPLI
Penolong Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Pendaftaran Negara
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

19 AUG 2026